



光華獨立中學

S. M. Kwang Hua (Persendirian)
Kwang Hua Private High School

Tarikh: 1hb. Sept 2021

Kepada semua pelajar dan ibu bapa/ penjaga

Persediaan Program Vaksinasi Murid Sekolah Swasta Berumur 12 hingga 17 Tahun

Jabatan Pendidikan Swasta menghendaki sekolah mengumpulkan data sama ada ibu bapa/penjaga bersetuju jika anak mereka diberikan suntikan vaksin.

2. Memandangkan jadual yang padat, pihak sekolah akan mengeluarkan borang kaji selidik “Persediaan Program Vaksinasi Murid Sekolah Swasta Berumur 12 hingga 17 Tahun” pada semua peringkat kelas kepada ibu bapa/penjaga pelajar untuk mengisi maklumat yang berkaitan.

3. Oleh sebab perkara ini melibatkan keselamatan nyawa pelajar, pihak sekolah meminta agar pelajar menerangkan perkara ini dengan jelas kepada ibu bapa/penjaga mereka untuk mendapatkan persetujuan ibu bapa/penjaga sebelum mengisi dan menghantar borang. Pelajar harus memastikan ibu bapa/ penjaga mengisi maklumat sebelum tarikh 7hb.Sept 2021 untuk mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan borang.

4. Pihak sekolah menggesa agar semua pelajar dan ibu bapa / penjaga untuk memandang serius perkara ini dan mengelakkan daripada terlepas peluang untuk vaksinasi. Kerjasama daripada pihak ibu bapa/penjaga amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

S.M.Kwang Hua (PSDN)